

→ SUKAN

Brendan ^{BIHARIAN} label Foxes ^{MS 83} menakjubkan, dinamik ^{28/2/19}

London: Brendan Rodgers menyifatkan Leicester City sebagai kelab yang menakjubkan dan kehadirannya adalah disebabkan rasa kagum terhadap cita-cita tinggi juara Liga Perdana Inggeris musim 2015-16 itu.

Bekas pengurus Liverpool itu meninggalkan juara Scotland, Celtic selepas menandatangani kontrak tiga tahun bersama Foxes sehingga 2022 dengan perjanjian bernilai £5.5 juta (RM29.63 juta) setahun.

"Tarikan terbesar saya adalah bekerja dengan semua pemain ini," kata Rodgers yang menyaksikan Leicester menewaskan Brighton 2-1, semalam.

"Ia bukan sahaja pasukan muda, tetapi skuad dinamik yang memiliki potensi yang hebat dan mereka juga memiliki beberapa nama besar."

Tujuh trofi domestik

Rodgers yang akan mengendalikan Leicester bagi aksi menentang Watford, Sabtu ini akan membawa sekali staf kejurulatihannya Chris Davies, jurulatih pasukan pertama Kolo Toure dan jurulatih kecergasan Glen Driscoll.

"Saya tahu saya menyertai kelab hebat yang meningkat dengan begitu banyak sejak beberapa tahun ini, jadi saya gembira berada di sini," katanya yang menggantikan Claude Puel yang dipecat, Ahad lalu.

"Di Leicester asasnya sudah ada bagi kami berkembang dan merangkul lebih banyak perkara. Harapnya dengan pengalaman yang saya ada dan bakat pemain yang ada dalam skuad akan membantu mencipta kejayaan bersama.

"Saya sangat beruntung dan mendapat penghormatan ini untuk berada di sini sebagai pengurus Leicester City dan saya akan memberikan segala-galanya untuk memastikan penyokong berbangga dengan kelab mereka ini."

Selepas hampir tiga tahun bersama Celtic, Rodgers sudah menjulang tujuh trofi domestik dan dia meninggalkan skuad dengan julukan Hoops itu lapan mata di kedudukan teratas Liga Perdana Scotland. **AGENSI**